

23/08/2003

Perilaku penganas, ubat herba dan doktor

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

LETUPAN bom di Baghdad yang menyebabkan 24 orang maut termasuk Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Iraq, Sergio Vieira de Mello dan 20 rakyat Israel terbunuh dalam serangan berani mati di Baitulmaqdis melambangkan tahap keganasan sudah meningkat.

Lidah pengarang Sin Chew Daily pada Khamis lalu mempersoalkan motif serangan ke atas ibu pejabat PBB. Serangan berani mati yang semakin kerap berlaku semakin membimbangkan masyarakat dunia.

Ada dua kemungkinan yang menjadi punca berlaku serangan berani mati itu iaitu penyokong bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein mengambil peluang daripada keadaan huru-hara dalam negara itu yang kini dalam proses pembinaan semula dan tentera Amerika Syarikat yang masih belum berundur.

Satu lagi kemungkinan ialah PBB menjadi sasaran pihak yang marah dengannya apabila Majlis Keselamatan PBB diperkudakan Amerika untuk menubuhkan dua jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Mentadbir Iraq.

Akhbar itu berpendapat, PBB masih menjadi organisasi adil. Bagaimanapun, serangan berani mati itu bukan saja akan menggugat kewibawaan PBB malah ia akan membawa kerosakan terhadap pembinaan semua Iraq.

Serangan itu juga akan menghalang negara lain daripada menghantar pasukan pengaman dan sukarelawan ke Baghdad untuk menyertai usaha membina semula Iraq. Jadi, ia akan menjejaskan proses pemulihan Iraq dan ekonomi.

Kelmarin, lidah pengarah Nanyang Siang Pau menyifatkan serangan berani mati ke atas ibu pejabat PBB itu sebagai cabaran terhadap kezamannya `dunia membina semula keyakinan Iraq'.

Akhbar itu berpendapat, Washington sebenarnya tidak pernah merancang program pembinaan semula Iraq kerana mereka hanya mengharapkan kemenangan serta memperoleh manfaat daripada peperangan itu dan kemudian menyerahkan Iraq kepada PBB untuk dikendalikan.

Beberapa siri serangan berani mati oleh penganas boleh disifatkan sebagai langkah untuk menghuru-harakan ekonomi dan politik Baghdad sehingga menimbulkan kemarahan rakyat Iraq terhadap Amerika serta PBB dan memaksa tentera sekutu berundur dari negara itu.

Akhbar itu berpendapat, semua pihak harus membidas apa saja motif di sebalik serangan berani mati ke atas ibu pejabat PBB.

Serangan itu juga membayangkan ekstrimis Iraq sudah meningkatkan strategi mereka dan bakal melancarkan serangan lebih ganas. Jadi, ia adalah satu ujian bagi Washington untuk berhadapan dengan serangan sedemikian.

Sementara itu Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) pula mengulas penahanan lebih 200 orang disyaki terbabit dengan kegiatan Jemaah Islamiah (JI).

Kedua-dua akhbar melaporkan bahawa tragedi 11 September 2001, pengeboman di Bali dan Hotel JW Marriott di Jakarta membuktikan bahawa kegiatan penganas kini sudah melampaui batas malah ramai orang Islam sendiri terbunuh dalam perbuatan yang didakwa dilakukan demi agama itu.

Nesan, dalam lidah pengarangnya berpendapat tindakan kejam itu tidak wajar menjadi alasan pihak tertentu melancarkan serangan terhadap Islam kerana agama itu sendiri tidak menghalalkan keganasan, lebih-lebih lagi yang membunuh kanak-kanak, wanita dan mereka yang tiada kaitan langsung dengan perjuangan yang diuar-uarkan.

Sementara itu, Nanban melaporkan bahawa Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) akan memantau iklan ubat-ubatan berasaskan herba yang disiarkan

menerusi radio dan televisyen.

Presiden MMA, Datuk Dr N Athimulam, yang juga pengerusi jawatankuasa pemantauan itu, berkata pihaknya sudah mengemukakan garis panduan pengiklanan bahan terbabit kepada stesen televisyen dan radio tempatan.

Antara lain, garis panduan terbabit mengingatkan pihak berkenaan supaya jangan mendakwa barangan tertentu mendapat kelulusan atau diiktiraf Kementerian Kesihatan sehingga mengelirukan atau mempengaruhi pengguna.

Umpamanya, kata Athimulan, Seksyen 290 Peraturan Pengiklanan 1952 menetapkan bahawa tiada iklan berkaitan penyakit jantung boleh disiarkan tetapi ia tidak dipatuhi.

Nesan pula melaporkan cadangan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) kepada Kementerian Kesihatan supaya menambahkan pengambilan doktor asing bagi mengatasi masalah kekurangan doktor memandangkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak cekap menguruskannya.

Presiden CAP, SM Mohamed Idris, berkata kekurangan doktor dan pakar perubatan amat ketara sekarang namun JPA tidak melakukan sebarang pengambilan doktor baru sejak enam bulan lalu.

Nanban melaporkan bahawa Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh memuji Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas sumbangannya kepada pembangunan dan kemakmuran negara selama ini.

Katanya, beliau tabik kepada Dr Mahathir selaku seorang pemimpin yang membawa pembaharuan kepada negara dan menjadikan Malaysia terkenal di mata dunia dengan memperkenalkan rangka pembangunan yang berjaya.

Kata beliau, kebanyakan remaja berketurunan India sekarang tidak mempunyai bimbingan yang betul, menyebabkan ramai daripada mereka terjebak dalam kancah jenayah dan antara cara terbaik bagi membantu mereka dengan memastikan setiap seorang mendapat pendidikan sempurna.

Menafikan golongan ini mendapat peluang sepenuhnya dari segi pendidikan dan ekonomi hanya menyebabkan lebih ramai terjerumus dalam jenayah dan seterusnya menjadi masalah lebih besar kepada kerajaan dan rakyat kerana kebolehan mereka disalurkan ke jalan yang salah

Nesan juga melaporkan mengenai gesaan Kelab Bell Belia Tamil supaya kerajaan kembali menggunakan sistem kuota dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kerana pelajar keturunan India banyak kehilangan peluang pembelajaran.

Persatuan itu berpendapat hanya satu peperiksaan kemasukan ke IPTA yakni sama ada sistem matrikulasi atau tingkatan enam dikekalkan supaya asas pengambilan adalah seragam untuk semua pelajar jika sistem kuota mahu diteruskan.

Kelab itu berpendapat sistem matrikulasi yang sedia ada sekarang bukan saja tidak adil, sebaliknya gagal menerapkan semangat perpaduan kaum kerana nisbah pelajar tidak mencerminkan komposisi kaum di negara ini.